

## Imigresen gempur pasar borong, 45 PATI termasuk 38 rakyat Myanmar dicekup

**SERI KEMBANGAN** - Jabatan Imigresen meng-gempur Pasar Borong Selangor di sini dan menahan 45 pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam Operasi Bersepadu kelmarin.

Pengarah Imigresen Selangor, Mohamad Shukri Nawi berkata, operasi jam 11.30 malam turut disertai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor yang memeriksa seramai 70 individu.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati seramai 45 lelaki warga asing lingkungan 18 hingga 50 tahun dikesan melakukan kesalahan imigresen seperti tinggal lebih masa dan tidak memiliki pas serta permit sah.

“Semakan mendapati PATI itu terdiri daripada 38 warga Myanmar, Indonesia (empat orang) dan Bangladesh (tiga orang).



Antara PATI yang ditahan dalam operasi di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan malam kelmarin.

“Semasa serbuan, terdapat segelintir PATI cuba melarikan diri dan bersembunyi di bawah lori, kotak sayur dan dalam longkang.

“Namun usaha itu gagal kerana anggota operasi menghalang dan menngesan PATI tersebut.

“Kesemua yang ditahan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Pejabat Imigresen Negeri Selangor dan direman selama

14 hari untuk siasatan,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Kes disiasat di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan Seksyen 15(1)(c) Akta yang sama.

Katanya, pihaknya juga menjalankan siasatan mengesan majikan atau pelindung PATI itu dan sekiranya bersalah akan dikenakan tindakan undang-undang.